

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(FI) (PINDAAN) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 April 2018.

**Pindaan jadual 6**

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012 [P.U.(A) 483/2012], dipinda dalam Jadual 6 dengan memasukkan selepas butiran 10 butiran yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Jenis permohonan</i>	<i>Nilai nominal sekuriti diterbitkan</i>	<i>Fi</i>
11.	Pemberitahuan bagi suatu tawaran debentur atau sukuk di bawah rangka kerja Bon Sedia Ada untuk tempoh 12 bulan pertama ("Pemberitahuan Awal")	-	RM10,000 setiap pemberitahuan

<i>No.</i>	<i>Jenis permohonan</i>	<i>Nilai nominal sekuriti diterbitkan</i>	<i>Fi</i>
12.	Pemberitahuan bagi setiap tawaran debentur atau sukuk di bawah rangka kerja Bon Sedia Ada selepas Pemberitahuan Awal	-	RM1,000 setiap tranche, tertakluk kepada had maksimum RM10,000 dalam mana-mana tempoh 12 bulan

Dibuat 31 Mac 2018

[GC(LR)RETAIL BONDS DISCLOSURE FWORK 1/2017(243)-1/;PN(PU2)662/XIII]

TAN SRI DATO' SERI RANJIT AJIT SINGH

*Pengerusi*

*Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

Diluluskan 3 April 2018

[KK/SID/(S)/483/669/4 JLD.2(SK.11);PN(PU2)662/X111]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

*Menteri Kewangan Kedua*